

# Pakej percepat kan pelaksanaan projek pembangunan di luar bandar

UM 27 SEP 2001

KUALA LUMPUR 26 Sept. → Presiden Persatuan Pemborong Binaan Malaysia (MBAM), Lai Moo Chan berkata, pengumuman pakej merangsang ekonomi yang diumumkan kerajaan semalam akan mempercepatkan pelaksanaan pelbagai projek pembangunan di kawasan luar bandar.

Katanya, langkah itu akan membantu bukan sahaja kontraktor yang bertanggungjawab meneruskan projek mereka, malah, sektor pembuatan dan perkhidmatan juga mendapat manfaat yang sama.

“Pengumuman itu jelas menggambarkan keikhlasan kerajaan untuk merang-

sang aktiviti ekonomi dan mengagihkan pelbagai faedah kepada semua pihak yang terjejas oleh kelembapan ekonomi.” katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Semalam, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengumumkan langkah pantas untuk menangkis kelembapan ekonomi serantau menerusi penyediaan pakej kewangan berjumlah RM4.3 bilion.

Pakej tersebut antara lain termasuk peruntukan berjumlah RM1 bilion untuk projek kecil pembangunan luar bandar dan kawasan bandar terpilih.